

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG

SOALAN:

YB. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG (LANANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang diberi setiap tahun dalam pembinaan Lebuhraya Pan Borneo sejak projek ini diluluskan dan bilakah pembinaan Lebuhraya Pan Borneo dijangka akan siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak yang dilaksanakan secara PDP ialah sebanyak RM29.35 bilion (Sarawak RM16.488 bilion; Sabah RM12.86 bilion).

Daripada jumlah tersebut, RM10 bilion (atau RM5 bilion untuk setiap negeri) akan dibiayai menerusi peruntukan pembangunan Kerajaan dalam RMKe-11 (2016 – 2020). Manakala baki kos projek (RM19.35 bilion) akan dibiayai melalui terbitan bon/sukuk di bawah DanaInfra Nasional Berhad. Untuk tahun 2016 ini, sebanyak RM800 juta telah diperuntukkan di bawah peruntukan RMKe-11, iaitu RM800 juta untuk Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan RM300 juta bagi Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Peruntukan ini akan digunakan bagi tujuan bayaran kemajuan pakej-pakej yang telah komited dan sedang berjalan, termasuk membiayai kos pengambilan balik tanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keseluruhan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dirancang siap dan beroperasi sepenuhnya pada awal tahun 2023. Manakala fasa pertama projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah pula (Sindumin – Beaufort – Kota Kinabalu – Tuaran – Kudat; dan juga laluan Ranau – Telupid – Lahad Datu – Tawau; 706km) dirancang siap dalam tempoh 5 tahun 9 bulan, iaitu pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

penerbangan awam, menyediakan dan menguatkuasakan kod etika pengguna berdasarkan tahap perkhidmatan minimum (*minimum service level*) dan meningkatkan kesedaran pengguna terhadap kod etika tersebut.